



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

( 36 ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 30

27 Julai 2010

## SIARAN MEDIA

### KPKT PASANG 496 CCTV DI 25 BUAH PBT SELURUH NEGARA

**IPOH 27 JULAI 2010** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dan akan memasang sebanyak 496 CCTV membabitkan 25 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung, kata Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jumlah tersebut meliputi 7 PBT bertaraf Majlis Bandaraya manakala 18 buah lagi Majlis Perbandaran. Daripada jumlah 496 CCTV yang dipasang, Negeri Selangor (152), Johor (88), Pulau Pinang (48), Perak (40), Melaka (24), Negeri Sembilan (48), Kedah (48), Pahang (16), Kelantan (16) dan Terengganu (16)

Katanya, projek pemasangan CCTV tanpa wayar dilaksanakan di 25 buah PBT seluruh negara secara sewaan bertujuan bagi memantau dan meninjau keadaan persekitaran serta pencegahan jenayah terutama di kawasan "hotspot" sejajar dengan hasrat KPKT bagi melaksanakan Program Bandar Selamat.

Chor berkata demikian selepas **meninjau bilik kawalan CTTV Dewan Bandaraya Ipoh** hari ini. Beliau juga telah diberi taklimat mengenai pemasangan CCTV peringkat pertama membabitkan pemasangan di 24 lokasi dalam PBT berkenaan.

Katanya, lokasi terlibat termasuk Bulatan Sultan Iskandar, Taman DR; Lorong Istana (belakang SUK); Jalan Sultan Abdul Jalil; Jalan Sultan Idris; Persimpangan Jalan Perhentian/Jalan Lahat; Jalan Sunway ke Tambun; Tempat letak motorsikal Padang Polo; Tempat letak motorsikal Pasar Besar Ipoh; Tempat letak motorsikal The Stor (Pekan); Jalan Taman Win Onn/Jalan Kuala Kangsar Ipoh; Jalan Taman Jati-Carsem Jelapang; Tempat letak motorsikal Kompleks yik Foong; Parking tepi kawasan Greentown Business Centre; Tempat letak kereta Greentown Mall (belakang); Tesco (Jalan Medan Ipoh 2); Persiaran Tugu Greentown; Gerbang Malam; Pusat Pelancongan Negeri Perak; Rumah Pangsa Waller Court; Rumah Pangsa Kinta Hight;

Jalan Raja Dr. Nazrin Shah (hadapan Istana Kinta); Kawasan letak kereta Kompleks Sukan; Memory Lane dan Kawasan Sultan Abdul Aziz.

Beliau menambah, pemasangan CCTV ini dibuat secara berperingkat iaitu bagi peringkat pertama pada 15 Julai, peringkat kedua 30 Julai, peringkat ketiga 15 Ogos manakala peringkat keempat pada 30 Ogos 2010.

Jelasnya, peringkat pertama meliputi pemasangan CCTV sebanyak 72 buah meliputi Majlis Perbandaran Kuantan (16); Majlis Perbandaran Kota Bharu (16); Majlis Bandaraya Ipoh (24) dan Majlis Perbandaran Manjung (16)

Katanya, bagi peringkat kedua sebanyak 88 buah CCTV akan dipasang di Majlis Perbandaran Nilai (16); Majlis Perbandaran Port Dickson (16); Majlis Perbandaran Johor Bharu Tengah (24); Majlis Perbandaran Kulai (16) dan Majlis Perbandaran Klang (16).

Beliau menjelaskan, sebanyak 152 buah CCTV lagi akan dipasang bagi peringkat ketiga iaitu pada 16 Ogos 2010 meliputi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (16); Majlis Perbandaran Subang Jaya (24); Majlis Bandaraya Shah Alam (24); Majlis Perbandaran Ampang Jaya (24); Majlis Perbandaran Muar (16); Majlis Bandaraya Johor Bharu (32) dan Majlis Perbandaran Seremban (16).

Katanya lagi, peringkat keempat akan dipasang pada 31 Ogos 2010 membabitkan jumlah sebanyak 184 buah CCTV iaitu di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (24); Majlis Perbandaran Seberang Perai (24); Majlis Perbandaran Langkawi (16); Majlis Perbandaran Sungai Petani (16); Majlis Bandaraya Alor Setar (16); Majlis Bandaraya Petaling Jaya (24); Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (24); Majlis Perbandaran Kajang (16) dan Majlis Perbandaran Selayang (24).

Kesemua CCTV yang dipasang ini akan menghubungkan maklumat dari PBT terlibat ke Pusat Kawalan Ibu Pejabat Daerah Polis (IPD), Balai Polis dan juga Ibu Pejabat Kontigen (IPK), jelasnya.

\*\*\*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Di keluarkan oleh:

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my). Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat ditalian 0193535500 [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Encik Saleki Amat Januri, Pegawai Perhubungan Awam [saleki62@kpkt.gov.my](mailto:saleki62@kpkt.gov.my) di talian 016-6297481 atau Wan Zainal Shahrman di talian 0196902862 atau emelkan ke [zainal\\_shahrman@kpkt.gov.my](mailto:zainal_shahrman@kpkt.gov.my)*